

Sistem pintar untuk semua

Utusan Malaysia

3 April 2017 | Isnin

Sistem pintar untuk semua



LAKARAN
grafik dalaman rumah yang
menunjukkan kedudukan sistem.

BWAVE Smart Home telah menerima beberapa pengiktirafan dalam dan luar negara seperti Anugerah Usahawan Penyelidik Terbaik, Tahun Pengkomersialan Malaysia 2016 dan Asia Pacific ICT Alliance (APICTA) kategori komunikasi terbaik menyasarkan pertumbuhan pasaran terhadap golongan individu untuk menikmati gaya hidup lebih pintar melalui penawaran sistem mereka. Dengan pelan pemasangan asas, BNetworks Sdn. Bhd. turut menyasarkan kepada perkembangan kefahaman terhadap penggunaan sistem yang dihasilkan oleh rakyat tempatan.

"Apa yang kami sedang lakukan adalah memberi kesedaran tentang kemampuan inovasi tempatan kerana tidak ramai yang tahu adanya produk sebegini

di pasaran. Terdapat segelintir daripada kita menggunakan produk luar yang sedia ada tetapi mereka mengalami kesukaran mendapatkan sokongan teknikal jika berlaku sebarang masalah," ujar Tharma.

Sungguhpun begitu, sebagai pengeluar, BNetworks meletakkan sasaran terhadap pemaju perumahan yang kebanyakannya mahu bekerjasama berdasarkan projek rumah pintar dengan pembangun teknologi tempatan. Melalui platform itu, BNetworks turut mempelawa pembangun teknologi tempatan untuk turut sama berkongsi kepakaran dalam industri gajet wayarles dan IoT kerana prospek perniagaan yang cukup meluas pada hari ini.

Maklumat lanjut tentang BWAVE, layari laman sesawang rasmi www.bwave.co

KELEBIHAN LAIN BWAVE SMART HOME

Ramalan kaji cuaca melalui maklumat satelit secara terus di papan pemuka di home

Komunikasi terus dengan rumah kawalan keselamatan

Sistem penggera butang panik akan dicapai terus kepada ahli keluarga atau mengikut tetapan pengguna

Seluruh aktiviti penggunaan dicatatkan dalam rekod penggunaan seperti aktiviti transaksi bank

Sistem turut disokong oleh kuasa bateri jika berlaku kegagalan capaian sumber tenaga, serta sokongan intranet jika sistem Internet mendapat isyarat yang teruk;



THARMA INDRAN (kiri) bersama Ketua Pegawai Operasi BNetworks Sdn. Bhd., **William Yap** menunjukkan beberapa anugerah yang telah dimenangi di ibu pejabat Technology Park Malaysia (TPM) di ibu negara baru-baru ini.